



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (42) 03/06

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA DAN REPUBLIK TURKIYE

PERKUKUH KERJASAMA PERTAHANAN ANTARA DUA NEGARA

1. Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah mengetuai delegasi Malaysia buat kali pertamanya dalam lawatan kerja rasmi ke Republik Turkiye dari 9 hingga 13 Jun 2024 sejak beliau menyandang jawatan tersebut pada Disember 2023.
2. YB Menteri Pertahanan memulakan lawatan rasmi dengan mengadakan **kunjungan hormat ke atas Prof. Haluk GÖRGÜN, Setiausaha Agensi Industri Pertahanan Republik Turkiye (Savunma Sanayii Başkanlığı, SSB)** dan diberikan taklimat mengenai SSB yang merupakan pamacu pembangunan industri pertahanan Republik Turkiye sehingga menjadi antara pemain industri pertahanan utama di dunia.
3. Semasa lawatan ke SSB, YB Menteri Pertahanan dan Setiausaha SSB telah menandatangani **Memorandum of Understanding (MoU)** berhubung Perolehan Produk Pertahanan secara Kerajaan-kepada-Kerajaan atau **MoU between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Turkiye on Government-to-Government Procurement for Defence Products (MoU G2G)** dan diikuti dengan penyerahan **Letter of Acceptance bagi perolehan Littoral Mission Ship Batch 2 (LMSB2)** kepada Savunma Teknolojieri Muhendiskil (STM) iaitu syarikat pembinaan kapal Turkiye berteknologi tinggi.
4. Permeteraian MoU G2G ini akan merancakkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang industri pertahanan yang berperanan sebagai instrumen untuk memudah cara proses perolehan aset ketenteraan dengan Republik Turkiye dan meminimumkan risiko ketirisan yang menyumbang kepada kos perolehan yang tinggi.
5. YB Menteri Pertahanan kemudiannya meneruskan program di Ankara pada 11 Jun 2024 (Selasa) dengan **mengadakan pertemuan ke atas rakan sejawat beliau, TYT Yaşar Güler, Menteri Pertahanan Nasional Republik Turkiye** di Kementerian Pertahanan Nasional Turkiye dan telah diberi penghormatan menerima tabik hormat serta **memeriksa Kawalan Kehormat Utama (Guard of Honour)** sebelum pertemuan kedua-dua pemimpin tersebut bermula.

6. Kedua-dua Menteri Pertahanan juga telah mempengerusikan bersama **Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (High Level Committee, HLC)** dalam bidang pertahanan yang julung kalinya diadakan. Semasa Mesyuarat HLC tersebut, Malaysia dan Republik Turkiye bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama pertahanan dua hala ke peringkat lebih tinggi dalam pelbagai bidang khususnya ketenteraan, pembangunan kapasiti, pertukaran maklumat serta sains, teknologi dan industri pertahanan selain bertukar-tukar pandangan mengenai situasi geopolitik antarabangsa khususnya konflik di Asia Barat termasuk perang Israel – Palestine. YB Menteri Pertahanan juga turut menjemput TYT Yaşar Güler untuk hadir ke Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada Mei 2025.
7. Sepanjang berada di Republik Turkiye, YB Menteri Pertahanan dan delegasi turut **mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat industri pertahanan Republik Turkiye iaitu Turkish Aerospace Industries (TUSAŞ), ASELSAN, Makine ve Kimya Endüstrisi (MKE)** dan mengadakan pertemuan dengan pengurusan tertinggi STM.
8. Lawatan-lawatan industri pertahanan ini adalah penting untuk Malaysia dalam menanda aras kemajuan industri pertahanan di Republik Turkiye sekali gus menjadi maklumat penting kepada Malaysia dalam **memformulasikan strategi pembangunan industri pertahanan tempatan serta menjayakan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara** yang bakal dilancarkan dalam masa terdekat.
9. Semasa lawatan ke TUSAŞ, YB Menteri Pertahanan dan delegasi juga telah melihat sendiri kemajuan perolehan 3 unit *Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System (MALE UAS)* berserta kelengkapan sokongan dimana kontrak perolehan antara Kementerian Pertahanan dan TUSAŞ ditandatangani pada tahun 2023.
10. Lawatan rasmi ke Republik Turkiye oleh YB Menteri Pertahanan merupakan **satu aktiviti di bawah Tonggak Ketiga Strategi Pertahanan Negara, iaitu Perkongsian Berwibawa seperti yang digarisikan oleh Kertas Putih Pertahanan** yang menekankan kepentingan hubungan pertahanan antarabangsa dalam memastikan keselamatan negara, kestabilan serantau dan keamanan sejagat.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**Kementerian Pertahanan Malaysia
12 Jun 2024**